

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 10 / 11 / 2009

## Jenayahkan perang makan masa tetapi berbaloi – Dr. M

UM-10/11/09

PUTRAJAYA 9 Nov. – Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan usaha untuk menyebarkan idea menjenayahkan perang akan memakan masa panjang tetapi amat berbaloi.

Beliau berkata, usaha tersebut penting untuk generasi akan datang.

“Saya tidak mungkin akan hidup pada ketika masyarakat dunia menerima idea menjenayahkan perang itu.

“Tetapi itu tidak bermakna kita harus menghentikan usaha itu sekarang kerana ia penting untuk generasi akan datang,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis meraikan petugas dan sukarelawan Persidangan Antarabangsa Menjenayahkan Perang yang

berlangsung dari 30 Oktober hingga 1 November lalu di sini hari ini.

Turut hadir isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali.

Seramai 100 petugas dan sukarelawan termasuk beberapa wakil media diraikan dalam majlis yang ringkas itu.

Dr. Mahathir berharap idea menjenayahkan perang itu dapat disebarkan dalam pelbagai cara dan kaedah.

Katanya, ini kerana, semua orang perlu mengetahui atau menyedari mengenai bahaya peperangan.

“Kita perlu menyedarkan anggota masyarakat yang mereka berhak untuk menolak peperangan dalam menyelesaikan apa jua pertikaian dengan negara jiran,” katanya.